

Tiada aduan harga barang naik pada musim tengkujuh

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga barang sepanjang musim tengkujuh di negeri itu.

Exco Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr S Ramakrishnan berkata, pemantauan berterusan juga sentiasa dilakukan KPDNHEP bagi memastikan barang keperluan mencukupi dan harga terkawal.

"Kami juga tidak menerima aduan barang tidak mencukupi," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Jaya Grocer, Austin International Convention Centre, Taman Mount Austin, Johor Bahru di sini semalam.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd Hairul Anwar Bohru dan Pengurus Jaya Grocer, Yeong Wei Loong.

Ramakrishnan berkata, tempoh pelaksanaan bagi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas (SHMMP) 2019 yang dipanjangkan daripada lima hari kepada 10 hari bermula semalam hingga 31 Disember bertujuan membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Katanya, kementerian telah mengenal pasti sebanyak 14 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2019 berbanding 11 barangan pada 2018.

"Antaranya ialah ayam hidup, ayam belanda import, daging kambing tempatan bertulang, telur gred A, B, dan C serta lada benggala hijau, cili merah, ubi kentang dan kubis bulat import," katanya.



Ramakrishnan (dua dari kanan) meninjau harga kubis bulat import sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di Jaya Grocer, Johor Bahru semalam.